

menggunakan data kos yang telah dikumpul dan disusun khusus untuk tujuan ini atau dengan menggunakan kaedah kuantiti hampir.

- (b) Sebelum pelan kos disediakan, Arkitek bersama-sama dengan Juruukur Bahan akan menimbangkan faktor-faktor kos asas yang mempengaruhi reka bentuk keseluruhan seperti pilihan bentuk-bentuk pelan, bilangan tingkat, dan lain-lain. Semasa memperuntukkan kos kepada setiap elemen, beberapa reka bentuk pilihan haruslah diambil kira seperti jenis binaan struktur kerangka, struktur bumbung, pilihan kemasan dan bahan-bahan lain untuk dinding, lantai, siling, dan sebagainya. Perbandingan anggaran-anggaran yang mengambil kira perkara-perkara ini boleh juga dibuat bagi memastikan peruntukan yang ada digunakan dengan optimum.
- (c) Semasa reka bentuk disediakan, kos setiap elemen disemak dan dibandingkan dengan anggaran. Sekiranya anggaran untuk sesuatu elemen dan anggaran untuk bangunan secara keseluruhannya melebihi anggaran, reka bentuk elemen tersebut akan dikaji semula untuk mendapatkan penjimatan. Sebagai pilihan, penjimatan mungkin boleh diperolehi dengan mengkaji semula reka bentuk elemen-elemen lain.

Walaupun prosedur yang dihuraikan di perenggan di atas digunakan bagi perancangan kos reka bentuk sesebuah bangunan, prosedur yang sama juga boleh digunakan untuk perancangan dan kawalan kos reka bentuk satu-satu projek bangunan yang mengandungi lebih dari satu bangunan dan kerja-kerja lain yang berkaitan secara keseluruhan. Perancangan dan kawalan kos bagi reka bentuk projek kejuruteraan awam adalah sama seperti projek bangunan, walau bagaimanapun, fungsi elemen-elemen berbeza dari apa yang terdapat dalam bangunan.

#### 4.2.2 Analisis Kos Elemen (ECA – Elemental Cost Analysis)

##### (a) Definisi

Pecahan secara sistematik kos bangunan dalam pelbagai elemen yang berguna kepada pelanggan dan pasukan reka bentuk.